

Banjir di Sabah, Pahang, Johor masih belum surut

KUALA LUMPUR: Selain banjir Sarawak yang semakin buruk semalam, penduduk beberapa kawasan di Sabah, Pahang dan Johor masih ditempatkan di pusat pemindahan sementara.

Di KOTA KINABALU, 351 mangsa banjir daripada 101 keluarga di Kampung Gum-Gum, Sandakan, kira-kira 350 kilometer (km) dari sini, dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Serbaguna kampung berkenaan, setakat jam 3 petang semalam.

Jumlah mangsa dipindahkan meningkat berbanding 341 orang kelmarin berikutan kenaikan Sungai Gum-Gum yang mencecah paras waspada iaitu 2.7 meter pada minggu lalu.

Jurucakap Pusat Operasi Banjir Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) berkata, walaupun banjir mulai surut tetapi mangsa banjir tidak dibenar balik ke rumah berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu.

Sementara itu, pemilik gerai makanan tepi laut, Anjung Selera, di Likas dekat sini, terpaksa menutup

gerai jam 11 malam, berbanding jam 2 pagi sebelum ini berikutan ombak besar mencecah dua meter melanda kira-kira jam 9 malam, kelmarin.

Keadaan itu menyebabkan kira-kira 20 peniaga gerai makanan menanggung kerugian apabila beberapa meja dan kerusi rosak dipukul ombak.

Di JOHOR BAHRU, keadaan cuaca tidak menentu sejak beberapa hari lalu dan ditambah kejadian air laut pasang besar ketika ini, menyebabkan 1,307 penduduk beberapa daerah di Johor dipindahkan di 19 pusat pemindahan seluruh negeri.

Sehingga jam 5 petang ini, 719 penduduk di Mersing sudah dipindahkan dan diikuti Segamat (388) serta Batu Pahat (200). Jumlah mangsa banjir dijangka bertambah kerana ramalan Jabatan Meteorologi yang hujan dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Antara kawasan terjejas teruk akibat banjir adalah sekitar Bandar Endau dengan 244 penduduk dan Pengkalan Batu di Mersing (148), diikuti Kampung Batu Badak, Segamat

(103) penduduk manakala di Kampung Baru, Senggarang, Batu Pahat (58). Selain itu, seramai 56 penduduk Orang Asli dipindahkan iaitu 29 di Kampung Sepang Loi, Segamat dan 27 di Kampung Peta, Mersing.

Di KUANTAN, sejumlah 625 mangsa banjir di daerah Rompin, Pahang masih ditempatkan di tiga pusat pemindahan sementara selepas fenomena air pasang besar malam kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, berkata sehingga jam 5 petang, sejumlah 300 mangsa dibenarkan pulang selepas dua pusat pemindahan iaitu di Majlis Daerah Rompin dan Balairaya Kampung Rekoh ditutup.

“Ketika ini, 625 mangsa masih di pusat pemindahan berbanding 946 orang pagi semalam. Daripada jumlah itu, seramai 137 orang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sarang Tiong, SK Pianggu (430) dan Dewan Teluk Gading (58),” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.



PENDUDUK Kampung Moyan Lidan Asajaya menunggu bantuan untuk pindah.